

02/02/2004

Formula 1 menguji kemampuan kita

Raja Ahmad Zainuddin

NAMPAKNYA Formula Satu dan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) Mac ini yang akan menjadi tumpuan sekali lagi kepada pemandu bertaraf dunia dan kebanjiran peminat sama ada dari Eropah mahupun Asia.

Grand Prix Malaysia pada 19 hingga 21 Mac ini pasti akan sekali lagi mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa, selain menjadikan Malaysia sebagai daya tarikan pelancong dari seluruh dunia.

Sambil mendapat hak penyiaran televisyen, perlumbaan itu akan sekali lagi menguji kehebatan kita dalam membuat persiapan terutama jaminan keselamatan peserta dan pelancong yang hadir, selepas gambaran negatif yang dilontarkan kepada kita dalam kejohanan tahun lalu ekoran konflik antarabangsa.

Sambil pemandu memberikan saingan yang sengit, perlumbaan di Litar Sepang juga kali ini bakal menjadi saksi bermulanya satu lagi sejarah baru dengan kehadiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi buat pertama kalinya sejak dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Saya pasti perlumbaan kali ini akan lebih meriah memandangkan usaha gigih SIC yang diketuai Datuk Mokhzani Mahathir selaku pengerusinya untuk menarik lebih ramai pengunjung dalam tempuh perlumbaan itu berlangsung.

Tahun lalu, rekod kehadiran yang dicatat ialah 101,485 orang pada hari terakhir perlumbaan dengan 77,453 penonton tempatan.

Saya dan ramai lagi pasti yakin sasaran Mokhzani untuk mencapai angka 120,000 pengunjung iaitu mengikut nisbah 60:40 iaitu jika dipecahkan di antara tempatan dan dari luar negara, hasrat itu akan tercapai, insya-Allah.

Masanya sudah tiba bagi seluruh rakyat Malaysia berada di belakang SIC dan memberi sokongan mereka. Diharap janganlah pada saat-saat akhir membuat tempatan tiket, baru kita merungut kehabisan tiket, sedangkan orang lain telah berbuat demikian lebih awal kerana mereka tidak mahu menghadapi kesulitan, terperangkap dengan tiket pasaran gelap.

Kenapa kita tidak segera mengikis sikap suka membuat sesuatu pada saat-saat akhir. Kita kadangkala terlalu mengharap kalau ada orang yang pemurah untuk tampil dengan tiket-tiket percuma.

Cuba ambil contoh, seorang kenalan dari Singapura yang terlalu gembira kerana memiliki tiket yang telah ditempah awal-awal lagi termasuk tempat penginapan, walaupun bukan hotel bertaraf lima bintang. Yang penting baginya ialah tidak tercicir dari menjadi ribuan penonton yang berada di litar sambil melihat wajah-wajah pemandu kesukaan mereka.

Bagi peminat Eropah biasanya mereka akan mula merancang sebaik kelendar perlumbaan diedarkan bagi memudahkan mereka membuat tempahan, terutama tiket penerbangan, sambil menentukan destinasi bagi mereka melancong di negara mana yang mereka lawati itu.

Sebab itu, kita turut beruntung jika ramai pelancong datang ke negara kita kerana ia akan turut membantu menjana pertumbuhan industri pelancongan. Industri batik, umpamanya sebagaimana yang dipromosikan oleh kerajaan, tetap menjadi tumpuan rakyat asing sebagai ole-ole untuk dibawa pulang termasuk ukiran dan bahan-bahan keluaran tempatan yang lain seperti labu sayung.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon begitu gigih mengadakan promosi batik di kalangan rakyat dan kakitangan sektor awam. Manalah tahu selepas ini, kontinjen negara untuk kejohanan luar juga digalakkan memakai batik?

Ketika saya bercuti di Langkawi sedikit masa lalu, saya terpegun melihat

seorang warga negara asing membeli pakaian batik begitu banyak untuk dibawa pulang sebagai hadiah kepada keluarga dan kenalan.

Tahun ini pula, sebagaimana kita sedia maklum, China dan Bahrain akan turut menjadi tuan rumah perlumbaan Formula Satu dan saya pasti mereka juga tidak mahu mengalah untuk bersaing dengan Malaysia, menarik seberapa ramai pengunjung ke negara mereka.

Oleh itu, adalah diharapkan agar kita akan menjadi destinasi terbaik di kalangan litar lumba F1 di Asia, setidak-tidaknya dengan pelbagai promosi yang dibuat dari sekarang sebagai usaha menjamin kita tidak kehilangan pengunjung tetap ke Malaysia dalam perlumbaan-perlumbaan akan datang.

Hotel yang mempunyai rangkaian antarabangsa hendaklah juga memainkan peranan menarik pelanggan mereka melawat Malaysia. Mereka juga boleh berbuat demikian melalui kerjasama dengan SIC agar kedua-dua pihak memperoleh keuntungan.

Kita juga berharap sepanjang perlumbaan itu berlangsung janganlah pula ada peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan dengan tidak ada perasaan belas kasihan ke atas pelanggan mereka tidak kiralah sama penduduk tempatan atau dari luar.

Umpamanya janganlah disebabkan cuaca panas, air minum yang dijual melampaui harga yang sebenarnya. Begitulah juga sepinggan nasi berlaukkan ayam pastikanlah harganya berpatutan, sekalipun perlumbaan seumpama itu diadakan setahun sekali.

Pemandu teksi juga diharap akan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelancong. Jangan sekali-kali mengambil kesempatan menaikkan tambang sesuka hati kerana sikap sedemikian akan menjejaskan nama baik Malaysia dan industri pengangkutan negara.

Barang diingat jika pelancong tidak lagi datang dan tidak mahu menaiki teksi mereka, siapa yang akan menanggung kerugian? Sudah pasti pemilik teksi itu sendiri dan jika penumpang berkurangan sudah tentu perkhidmatan teksi akan terjejas. Oleh itu, marilah kita berpegang kepada slogan sama-sama menjaga nama baik negara di mata pelancong.

Janganlah kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Biar di mana sekali pun kita berada sama ada di bandar mahupun kampung, jadikanlah sektor pelancongan ini sebagai salah satu sumber untuk kita menambahkan lagi pendapatan negara.